

Pelabur runcit di Malaysia lazimnya tidak melibatkan diri dalam pelaburan bon secara langsung. Mungkin ada di antara anda yang pernah membeli dana bon yang ditawarkan oleh unit amanah, namun ramai yang mungkin tidak tahu apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan bon dan bagaimana ia memberi kesan ke atas portfolio pelaburan anda.

Apa itu “bon”?

Bon mewakili akujanji hutang yang diterbitkan sama ada oleh badan-badan kerajaan ataupun syarikat. Dengan melabur dalam bon, anda sebenarnya berperanan sebagai pembeli bon dan pemberi pinjam wang manakala badan-badan kerajaan atau syarikat-syarikat yang menerbitkan bon terbabit pula merupakan peminjam. Sebagai balasan kerana membeli bon mereka, penerbit-penerbit bon akan membayar faedah tetap (dikenali sebagai kadar kupon) kepada anda bagi sepanjang tempoh pinjaman dan memulangkan jumlah pokok yang dipinjam apabila matang. Contoh bon yang boleh diberikan di sini ialah Bon Simpanan Merdeka 2008 yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia untuk warga emas. Bon ini mempunyai tempoh matang selama tiga tahun dan menawarkan pulangan (kadar kupon) sebanyak lima peratus setahun.

Di Malaysia, terdapat dua jenis bon iaitu bon kerajaan dan bon korporat. Bagi bon kerajaan, penerbit utamanya ialah pihak kerajaan, Bank Negara Malaysia dan institusi separa kerajaan (Khazanah Nasional Berhad, Danamodal dan Danaharta). Manakala itu, bon korporat dan sekuriti bersandarkan aset pula diterbitkan Cagamas Berhad, institusi kewangan dan syarikat bukan kewangan. Pelabur utama pasaran bon Malaysia ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dana pencen, syarikat insuran dan institusi kewangan yang lain.

Harga bon dipengaruhi oleh pelbagai faktor, dan antara faktor yang memainkan peranan paling penting ialah kadar faedah, inflasi, tarikh matang dan kualiti kredit.

*** Kadar Faedah**

Bon mudah dipengaruhi oleh turun naik kadar faedah. Sekiranya kadar faedah semasa naik ke paras yang lebih tinggi berbanding kadar kupon bon, maka harga bon belum membayar akan turun ke paras yang lebih rendah berbanding nilai pokok. Jika anda melabur dalam dana bon pula, kadar faedah yang tinggi akan menurunkan harga dana bon tersebut.

*** Inflasi**

Dalam keadaan ekonomi yang berkembang pesat, inflasi secara lazimnya turut naik. Kenaikan ini lambat laun akan menyebabkan kenaikan kadar faedah dan menyebabkan nilai bon yang

dimiliki jatuh.

*** Tarikh Matang**

Oleh kerana bon merupakan instrumen yang mudah dipengaruhi oleh turun naik inflasi, bon jangka panjang selalunya akan berhadapan dengan ketidakpastian yang lebih ketara berbanding bon jangka pendek. Disebabkan risiko yang lebih tinggi ini, bon jangka panjang sepatutnya menawarkan kadar kupon yang lebih tinggi kepada pembeli-pembeli bon. Walau bagaimanapun, bon jangka panjang akan tetap berhadapan dengan turun naik yang lebih ketara disebabkan jangka masa panjang sebelum mencapai tarikh matang.

*** Kualiti Kredit**

Sudah menjadi lumrah kehidupan bahawa hutang perlu dibayar. Ini suatu prinsip yang turut dipegang oleh pembeli-pembeli bon. Justeru itu, kredibiliti dan kualiti kredit penerbit bon memainkan peranan yang penting dalam menentukan harga bon kerana ia dapat membantu anda dalam membuat keputusan berkaitan pembelian bon. Pulangan daripada bon-bon korporat selalunya lebih tinggi jika dibandingkan dengan bon kerajaan disebabkan risiko lebih tinggi yang perlu ditanggung oleh pembeli bon korporat berbanding pembeli bon kerajaan. Pembeli bon kerajaan lebih terjamin manakala mereka yang membeli bon korporat pula berhadapan dengan risiko tidak menerima pembayaran kupon dan wang pokok mereka. Disamping itu, kemelut kewangan baru-baru ini turut menyumbang kepada kejatuhan kualiti kredit untuk bon-bon korporat tertentu.

Kenapa melabur dalam bon?

Pelaburan bon menawarkan alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh para pelabur dalam usaha mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka. Ini kerana bon melibatkan risiko yang rendah jika dibandingkan dengan pelaburan saham. Oleh kerana bon menawarkan pulangan dalam bentuk faedah tetap secara berkala dan pembayaran balik jumlah pokok yang dipinjamkan apabila sampainya tarikh matang, ia merupakan instrumen yang sesuai buat anda jika matlamat pelaburan anda ialah untuk mengekalkan wang pokok dan mendapatkan pulangan yang konsisten. Bergantung kepada ufuk/tempoh masa pelaburan anda, pelaburan bon yang boleh dipertimbangkan merangkumi bon jangka pendek, bon jangka sederhana dan bon jangka panjang. Namun, dalam membuat pilihan, anda perlu memahami faktor-faktor yang mempengaruhi harga bon yang ingin dibeli.

Sebagai pelabur runcit, penglibatan anda dalam bon lazimnya terhad kepada pelaburan dalam dana bon yang ditawarkan melalui dana unit amanah. Dana bon adalah kombinasi beberapa jenis bon yang berbeza, maka risiko yang dihadapi adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pelaburan dalam satu bon tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, pastikan anda mengambil kira faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas sebelum membuat keputusan untuk membeli mana-mana dana bon. Selain itu, anda juga perlu mendapatkan maklumat

secukupnya berkenaan syarikat pengurusan dana terbabit seperti rekod prestasi dan pengalaman mereka. Pastikan juga bahawa pendekatan pelaburan mereka bersesuaian dengan profil risiko dan matlamat pelaburan anda. Selain itu, anda juga perlu menumpukan perhatian kepada faktor pemasaan – pastikan anda membeli sesuatu dana bon pada masa yang sesuai.

Dalam pelaburan bon, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- Berhati-hati dengan kadar faedah, terutamanya apabila ia berada pada paras yang terlalu rendah atau tidak menentu.
- Elakkan daripada membeli bon spekulasi, walaupun apabila melabur dalam dana bon. Pastikan bon-bon yang terkandung dalam portfolio dana bon berkaitan adalah bon-bon gred pelaburan, dengan penarafan kredit BBB ke atas. Bon-bon dengan penarafan kredit BB ke bawah dianggap di bawah paras gred pelaburan.
- Jangan melabur sebahagian besar daripada pelaburan anda dalam bon kerana ini akan mengakibatkan pertumbuhan portfolio kerana inflasi dari satu tahun ke tahun yang lain akan mengikis aliran pulangan tetap dan wang pokok anda. Bon lebih sesuai dijadikan sebagai pelengkap kepada pelaburan saham anda.

Artikel ini ditulis oleh SIDC dan En. Ooi Kok Hwa, pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan urusan nasihat pelaburan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Maklumat yang terkandung dalam artikel ini ialah untuk tujuan pendidikan semata-mata dan tidak boleh dianggap sebagai pengganti untuk nasihat perundangan atau mana-mana nasihat profesional yang lain.